

15 DEC 2000

IPTS-Bahasa

KEMENTERIAN TIDAK PAKSA IPTS TAMBAHKAN KURSUS DALAM BAHASA MALAYSIA

PETALING JAYA, 15 Dis (Bernama) -- Kementerian Pendidikan tidak akan memaksa Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan melaksanakan cadangan meningkatkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata kementerian sebaliknya akan berunding dengan IPTS bagi mencari jalan terbaik untuk menambah penggunaan Bahasa Malaysia dalam kursus yang ditawarkan.

"Kita tak mahu paksa, tetapi kita mahu IPTS tempatan menganggap cadangan itu sebagai cabaran untuk menarik lebih ramai penuntut tempatan belajar di IPTS," katanya kepada pemberita selepas merasmikan EKspo Pendidikan Malaysia anjuran Persatuan Institut-Institut Pendidikan Tinggi Swasta Kebangsaan (NAPEI) di sini hari ini.

Menurutnya garis panduan sudah disediakan untuk IPTS tempatan mengenai penggunaan Bahasa Malaysia dalam pengajian mereka tetapi kementerian mahu ia diperluaskan kepada kursus-kursus lain memandangkan kebanyakan mereka yang menuntut di IPTS tempatan terdiri daripada pelajar tempatan.

Mahadzir berkata demikian sebagai mengulas cadangan Jabatan Pendidikan Swasta untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Malaysia ke tahap 20 hingga 50 peratus dalam kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTS di negara ini seperti yang dikemukakan kepada pengusaha IPTS tempatan pada satu perjumpaan dua bulan lalu.

IPTS tempatan bagaimanapun dikatakan berbelah bagi mengenai cadangan itu dan telah mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bulan lalu.

Presiden NAPEI Dr Mohamed Thalha Alithamby ketika ditemui pada majlis yang sama, berkata persatuan itu masih menunggu maklumat balas daripada Perdana Menteri.

Beliau berkata IPTS tempatan pada masa ini telahpun melaksanakan dua kursus dalam Bahasa Malaysia dengan purata setiap pelajar mengambil 24 kursus sepanjang tempoh pengajian mereka di IPTS.

Katanya cadangan itu sukar dilaksanakan memandangkan kebanyakan kursus yang ditawarkan IPTS merupakan program francais atau program berkembar.

"Kebanyakan pemeriksa luar tidak tahu (fasih) Bahasa Malaysia dan adalah sukar untuk kita terjemahkan semuanya untuk mereka semak," katanya.

Selain itu, Dr Mohamed Thalha berkata jika cadangan itu dilaksanakan, matlamat negara untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini akan terjejas kerana pelajar asing tidak akan berminat untuk belajar di negara ini jika lebih banyak kursus dijalankan dalam Bahasa Malaysia.

Mahadzir bagaimanapun berkata peningkatan penggunaan Bahasa Malaysia dalam kursus yang ditawarkan, tidak akan menghalang pelajar asing daripada menuntut di IPTS tempatan.

Ini kerana kebanyakan universiti di luar negara yang menawarkan pengajian pendidikan, menetapkan pelajar asing belajar bahasa tempatan ketika mengambil kursus di universiti atau institusi pengajian tinggi di negara mereka, katanya.

-- BERNAMA

AT AHH LAT